

23 DEC 2002

Zainuddin-Korea

KOREA IKTIKRAF MALAYSIA SEBAGAI NEGARA BEBAS

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka yang bebas oleh delegasi Korea Utara yang diketuai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Kim Pyong Ho seharusnya membanggakan rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata Kim berkata demikian ketika menemuinya di Angkasapuri hari ini sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama dalam bidang penerangan antara kedua-dua negara.

Rombongan tiga orang Korea Utara itu adalah dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini bermula semalam hingga 25 Dis.

Yang turut mengiringi Kim ialah Timbalan Pengarah Sekretariat Jawatankuasa Penerangan Choe Chol Su dan Pegawai Sekretariat Jawatankuasa Penerangan Jon Min Dok.

"Beliau (Kim) yang sentiasa mengikuti perkembangan negara ini melahirkan rasa bangga dengan pencapaian negara kita yang disifatkannya sebagai sebuah negara merdeka dan bebas," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan delegasi berkenaan.

Menurut Zainuddin, komen itu diberikan Kim dari pemerhatian yang dilakukannya terhadap negara ini.

Katanya delegasi itu juga melihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang yang berjaya dalam mengekalkan kemerdekaan negara ini terutamanya ketika serangan ekonomi yang dilakukan pihak tertentu pada tahun 1997.

Zainuddin berkata pengiktirafan berkenaan sepatutnya membanggakan rakyat Malaysia sebab ia diberikan oleh pemimpin dari negara yang masih kuat mengamalkan sistem pemerintahan komunis.

"Pengiktirafan itu sukar untuk diperolehi, malah ada rakyat negara kita sendiri yang menganggap negara kita masih belum bebas," katanya.

Antara lain mesyuarat itu membincangkan mengenai pelaksanaan kerjasama dalam bidang penyiaran terutamanya dalam pertukaran berita dan perfileman sebagaimana yang dipersetujui di bawah memorandum persefahaman yang ditandatangani antara kedua-dua negara pada 1992.

Mesyuarat yang diadakan dua kali setahun itu juga turut membincangkan pertukaran berita antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Korean Central News Agency (KCNA).

"Mereka serius dalam melaksanakan program ini. Cuma beberapa masalah seperti perbezaan ideologi dan bahasa untuk kesesuaian kedua-dua pihak yang masih perlu dibincangkan," katanya.

-- BERNAMA

SHI AHH HM